GARIS PANDUAN
PERMOHONAN KEBENARAN MENJALANKAN AKTIVITI PENGHIBRIDAN HIDUPAN LIAR

PERHILITAN

JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	3
2.0	OBJEKTIF	3
3.0	PEMAKAIAN	3
4.0	TAFSIRAN	3
5.0	SENARAI HIDUPAN LIAR YANG DIBENARKAN UNTUK HIBRID	4
6.0	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN AKTIVITI HIBRID	4
7.0	PEMERIKSAAN JABATAN PERHILITAN	5
8.0	KEBENARAN BERTULIS	5
9.0	PEMBAHARUAN KEBENARAN AKTIVITI PENGHIBRIDAN	5
10.0	PENUTUP	6
LAMPIRAN 1: KERTAS KERJA PERMOHONAN BAHARU KEBENARAN MENJALANKAN AKTIVITI PENGHIBRIDAN		7
LAMPIRAN 2: CARTA ALIR PERMOHONAN MENJALANKAN AKTIVITI PENGHIBRIDAN HIDUPAN LIAR		13

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini adalah sebagai dokumen rujukan untuk individu yang ingin menjalankan aktiviti penghibridan hidupan liar. Garis panduan Ini bagi memastikan aktiviti penghibridan hidupan liar mematuhi Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*] dan peraturan subsidiari.

2.0 OBJEKTIF

Objektif garis panduan aktiviti penghibridan hidupan liar ini adalah untuk memberi panduan kepada orang awam supaya mematuhi kehendak Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] bagi memastikan aktiviti penghibridan lebih beretika.

3.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Sebarang percanggahan dalam garis panduan ini akan merujuk kepada Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*] atau Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia.

4.0 TAFSIRAN

4.1 **"haiwan"** ertinya mana-mana spesies haiwan yang tidak tertakluk di bawah Akta 716.

4.2 **"hidupan liar"** ertinya mana-mana spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada yang dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak.

4.3 **"hidupan liar yang dilindungi"** ertinya mana-mana hidupan liar yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama Akta 716.

4.4 **"hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya"** ertinya mana-mana hidupan liar yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua Akta 716.

4.5 **"hibrid"** ertinya hasil kacukan —

a. mana-mana hidupan liar dengan mana-mana haiwan lain.

b. mana-mana hidupan liar dengan spesies hidupan liar yang lain.

4.6 **"pembiakbakaan dalam kurungan komersial"** ertinya suatu proses pembiakan hidupan liar dalam kurungan melalui induk yang mengawan, atau melalui apa-apa kaedah mengawan, atau melalui apa-apa kaedah persenyawaan, dalam suatu persekitaran terkawal bagi maksud

komersial.

4.7 **"F1 atau *filial 1*"** ertinya generasi pertama hasil kacukan antara dua induk yang berbeza tetapi tulen.

5.0 SENARAI HIDUPAN LIAR YANG DIBENARKAN UNTUK HIBRID

Kelas hidupan liar yang dibenarkan untuk tujuan hibrid adalah seperti berikut:

Bil	Kelas
1	Aves
2	Mamalia

6.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN AKTIVITI HIBRID

6.1 Permohonan menjalankan aktiviti penghibridan hidupan liar perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN melalui Jabatan PERHILITAN Negeri.

6.2 Individu yang berkelayakan untuk menjalankan aktiviti penghibridan ialah:

a. Pemegang lesen menyimpan atau permit khas menyimpan.

b. Pemegang permit pembiakbakaan dalam kurungan komersial.

c. Pemegang permit penyelidikan.

d. Pemegang lesen berniaga atau permit khas berniaga.

e. Pemegang permit pengendalian zoo.

f. Pemegang permit pameran hidupan liar.

6.3 Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut:

a. Kertas Kerja Permohonan Kebenaran Menjalankan Aktiviti Penghibridan seperti di **Lampiran 1**.

b. Satu (1) salinan kad pengenalan.

c. Salinan lesen, permit atau permit khas daripada Jabatan.

d. Salinan permit CITES atau sijil Non CITES (sekiranya berkaitan).

6.4 Pemohon hendaklah individu/ pertubuhan/ syarikat yang tidak pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubungan dengan kezaliman terhadap haiwan.

6.5 Aktiviti penghibridan untuk spesies yang dimohon pernah dilaksanakan di dalam atau luar negara.

6.6 Aktiviti penghibridan yang boleh menjana ekonomi dan menambah pendapatan negara.

7.0 PEMERIKSAAN JABATAN PERHILITAN

7.1 Jabatan PERHILITAN akan melakukan pemeriksaan di premis sebelum permohonan aktiviti penghibridan hidupan liar dipertimbangkan.

7.2 Seseorang pegawai penguatkuasa yang menjalankan pemeriksaan di premis hendaklah diberi akses kepada rekod-rekod yang berkaitan permohonan ini.

8.0 KEBENARAN BERTULIS

8.1 Tempoh sah kebenaran bertulis maksimum sehingga 1 tahun sahaja dan perlu mengemukakan semula permohonan setelah tamat tempoh kebenaran ini.

8.2 Syarat-syarat di dalam kebenaran bertulis hendaklah dipatuhi oleh pemohon dan sebarang ketidakpatuhan akan menyebabkan kebenaran dibatalkan.

9.0 PERMOHONAN SEMULA KEBENARAN AKTIVITI PENGHIBRIDAN

9.1 Permohonan semula kebenaran aktiviti penghibridan perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN melalui Jabatan PERHILITAN Negeri setelah tamat tempoh.

9.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut:

a. Salinan lesen, permit atau permit khas daripada Jabatan.

b. Salinan surat kebenaran menjalankan aktiviti penghibridan yang terdahulu.

c. Salinan permit CITES atau sijil Non CITES (sekiranya berkaitan).

10.0 PENUTUP

Aktiviti Penghibridan ini hendaklah dijalankan dengan penuh tanggungjawab dan mematuhi Akta 716 serta mana-mana perundangan subsidiari yang berkuatkuasa. Kegagalan pemohon mematuhi garis panduan ini akan menyebabkan permohonan baharu aktiviti penghibridan hidupan liar tidak dipertimbangkan.

LAMPIRAN 1

JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA
SEMENANJUNG MALAYSIA
www.wildlife.gov.my

KERTAS KERJA PERMOHONAN BAHARU KEBENARAN MENJALANKAN AKTIVITI PENGHIBRIDAN

1. MAKLUMAT PEMOHON:

(a) Nama:	(c) Alamat Surat Menyurat:	(e) Alamat Premis (Lokasi Aktiviti Penghibridan):
(b) No. Kad Pengenalan:	(d) No Telefon:	(f) Alamat e-mel:

2. MAKLUMAT SYARIKAT / PERTUBUHAN:

(a) Nama Syarikat:	(c) Alamat Syarikat :	(e) No. ROC/ROB/ROS:
(b) No Telefon Syarikat:	(d) Alamat e-mel syarikat:	(f) No permit pembiakbakaan dalam kurungan komersial:

3. PENGALAMAN BIAKBAKA/MENTERNAK/PERTANIAN (JIKA ADA) :

(Sila lampirkan sekiranya ruang tidak mencukupi)

4. JENIS PENGHIBRIDAN:

(a) Tandakan (√) pada yang berkaitan:

	Hidupan liar dikacukkan dengan hidupan liar
	Hidupan liar dikacukkan dengan haiwan
	Hidupan liar dikacukkan dengan haiwan hibrid

(b) Tandakan (√) pada yang berkaitan:

	Hidupan liar yang dilindungi dikacukkan dengan haiwan
	Hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya dikacukkan dengan haiwan
	Hidupan liar yang dilindungi dikacukkan dengan hidupan liar yang dilindungi
	Hidupan liar yang dilindungi dikacukkan dengan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya
	Hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya dikacukkan dengan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya
	Hidupan liar yang dilindungi dikacukkan dengan hibrid
	Hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya dikacukkan dengan hibrid

5. MAKLUMAT SPESIES HIDUPAN LIAR/HAIWAN LAIN YANG INGIN DIHIBRID

Bil.	Nama Spesies	Nama Saintifik	Jantina (J/B)	No. Penandaan	Jenis Penandaan (Mikrocip/Gelang/Gelung/ Tag/ Label/ Lain-lain)	Sumber Perolehan (Sila lampirkan Lesen Menyimpan/ Permit Khas Menyimpan)	Negara Asal Hidupan Liar
1)	Pasangan 1 (Contoh)						
	Serval Cat	*Leptailurus serval*	J	10990025271	Mikrocip	K-00001-12-25	Afrika Selatan
	Kucing Domestik	*Felis catus*	B	88888888888	Mikrocip	-	Malaysia
2)	Pasangan 2						
3)	Pasangan 3						
4)	Pasangan 4						

Sila lampirkan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.

6. JUSTIFIKASI AKTIVITI PENGHIBRIDAN:

(a) Asas kepada aktiviti penghibridan:

(Sila lampirkan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi)

(b) Tujuan melakukan aktiviti penghibridan:

(Sila lampirkan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi)

7. JENIS PREMIS:

Sila sertakan salinan-salinan Geran Tanah atau Surat Kebenaran/ Perjanjian Penggunaan Tanah atau premis (jika bukan milikan pemohon)

Jenis Premis	Tandakan (√)
Tanah Lot Pertanian	
Tanah Lot Perindustrian	
Rumah Kedai	
Tanah Rezab (Nyatakan)	
Lain-lain (Nyatakan):	

8. PELAN KECEMASAN:

(Sila lampirkan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi)

Perkara	Pelan Tindakan
Wabak Penyakit	
Bencana Alam	
Pembebasan Tidak Sengaja	

9. PELAN LAKAR KAWASAN:


*Sila sertakan di lampiran.

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan/ Cap jari pemohon :	**Tarikh :**

LAMPIRAN 2

CARTA ALIR PERMOHONAN MENJALANKAN AKTIVITI PENGHIBRIDAN HIDUPAN LIAR



Pemohon mengemukakan kepada Jabatan PERHILITAN Negeri dokumen yang berikut:

a. Kertas Kerja Permohonan Kebenaran;

b. Salinan kad pengenalan;

c. Salinan lesen, permit atau permit khas; dan

d. Salinan permit CITES atau sijil Non CITES

Petugas kaunter merekod, menyemak dan memproses permohonan yang diterima.

Pegawai Penguatkuasa Negeri akan menjalankan pemeriksaan di premis.

Permohonan dikemukakan kepada Ibu Pejabat.